

| | | | |
|-------------|-------------------------------|------------|--------------------|
| Headline | THT juara hatrik MHL-TNB 2016 | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 19 Sep 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 125,514 | Readership | 947,000 |
| Section | Sukan | Page No | 41 |
| ArticleSize | 372 cm ² | Journalist | Faizul Azlan Razak |
| PR Value | RM 38,469 | | |



THT juara hatrik MHL-TNB 2016

➔ Sapura tundukkan Maybank muncul naib juara

Oleh Faizul Azlan Razak

bhsukan@bh.com.my

► Kuala Terengganu

Pasukan Hoki Terengganu (THT) tidak berdepan masalah apabila mudah menundukkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) 3-1 sekali gus mencipta hatrik kejuaraan Liga Premier Hoki Malaysia (MHL)-TNB 2016 di Stadium Hoki Batu Buruk, semalam.

Sebaik permainan bermula, THT melancarkan gerakan ke kubu pelawat untuk memburu gol awal, namun gagal menghasilkan jaringan.

Pada minit keempat, pemain THT, Ismail Abu memiliki peluang terhidang, namun percubaannya mudah dihalang penjaga gawang TNB, S Kumar.

Bagaimanapun, tuan rumah dihadiahkan pukulan penalti dan kapten THT, Mohd Fitri Saari mudah menewaskan bekas penjaga gol kebangsaan untuk gol pembukaan.

Pasukan TNB yang dibimbing bekas pemain kebangsaan, Muhammad Amin Rahim berpeluang

menyamakan kedudukan menerusi pukulan sudut penalti, namun gagal disudahkan Muhammad Shahril Saabah.

THT menambah gol kedua menerusi Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abd Jalil hasil gol padang minit ke-18.

Gerakan pantas Faizal Saari sebelum membuat lorongan membolehkan Ismail Abu meledak gol ketiga juga menerusi gol padang minit 31.

TNB tidak mahu mengalah dan usaha mereka berjaya membuahkan hasil apabila berjaya memperoleh jaringan padang Muhammad Ramadan Rosli seminit selepas itu.

Keluar padang

Pada aksi suku keempat, TNB terpaksa beraksi tanpa Luqman Nur Hakim Ahmad Shukran selepas diperintah keluar padang kerana tidak berpuas hati dengan keputusan pengadil perlawanan.

Sementara itu, pada satu lagi

aksi di Stadium Tun Razak, Kuala Lumpur petang semalam, Sapura menundukkan Maybank 2-1 sekali gus muncul naib juara MHL-TNB musim ini.

Gol pembukaan dicipta Sapura seawal minit pertama oleh Gurbaj Singh menerusi gol padang.

Bagaimanapun, kealpaan pertahanan Sapura memberikan kelebihan buat Maybank apabila berjaya mengikat kedudukan menjadi 1-1 menerusi pukulan sudut penalti, Juan Valeriano.

Apapun anak buah Yahya Atan kembali mengasak untuk memastikan kemenangan milik Sapura apabila Phillip Ross Burrows meledak gol kedua melalui pukulan sudut penalti, sekali gus mengekalkan keputusan 2-1 hingga wisel penamat.

Kemenangan tipis itu membolehkan Sapura bergelar naib juara selepas berbekalkan 21 mata dalam 10 perlawanan, ketinggalan satu mata di belakang juara, THT.



Pemain THT meraikan kemenangan selepas menjuarai MHL-TNB buat kali ketiga berturut-turut di Stadium Hoki Batu Buruk, semalam.